

# Kesejahteraan komuniti kampung

UB 25.10.2018 B2



**KOTA KINABALU:** Kelab Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) memantapkan lagi kewibawaan dan sistem kebijakan mereka terhadap masyarakat luar dengan mengadakan program yang mendekatkan diri dengan masyarakat luar.

Program Bakti Rakan Integriti Mahasiswa (Bakrim) Siri ke-3 yang dijalankan selama sehari ini diisi dengan pelbagai aktiviti bagi mengeratkan silaturahim dengan komuniti Kampung Banting, Sipitang.

Pengarah program Anis

► Kelab SRIM UMS adakan Program Bakti Rakan Integriti Mahasiswa (Bakrim)

Nursyahiera Ayub berkata, tujuan utama program sebegini dijalankan adalah bagi melatih pelajar secara amali untuk melaksanakan tugas mendidik dan berbakti kepada masyarakat, dan melahirkan pelajar yang mampu menerima unsur-unsur budaya yang dimiliki oleh masyarakat lain.

Tambahnya, program ini mampu mengasah kemahiran bersosial pelajar dengan masyarakat di luar serta melatih pelajar untuk tinggal di kawasan pedalaman yang serba kekurangan dari segi kemudahan.

"Amatlah wajar aktiviti sebegini dijalankan kerana bukan sahaja mampu mengeratkan silaturahim antara kedua belah pihak, malahan mampu membentuk jati diri pelajar untuk berbakti kepada negara," kata Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) DUN Sindumin, Pengiran Yakub

Pengiran Omar ketika merasmikan program itu.

Yakub menegaskan dalam perasmian di mana aktiviti bersama komuniti sebegini perlulah menerapkan nilai-nilai dan berunsurkan pendidikan dengan lebih kerap selain mampu mewujudkan sikap prihatin dalam diri setiap pelajar.

Sepanjang program berlangsung, pelajar turut terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan Islam kampung, padang bola, kawasan masjid dan juga kawasan sekolah. Seramai 35 anggota penguatkuasa dibantu oleh penduduk kampung turut serta dalam menjayakan aktiviti ini.

Harapan daripada kelab agar program sebegini rupa dapat diteruskan lagi pada sesi akan datang dan mendapat sokongan padu daripada semua pihak. Semoga ia mendapat nafas baru dan dapat diadakan dengan lebih meriah serta bermakna.



PESERTA Bakrim mengadakan sesi bergambar bersama penduduk kampung.